



## **JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

---

#### **PANGKALAN DATA UTAMA PADU**

---

#### **PELAKSANAAN PADU PERINGKAT NEGERI PERLIS TELAH MENCECAH 42.9 PERATUS PENGEMASKINIAN, 1,006 KAUNTER FIZIKAL PADU TELAH DIBUKA SEPANJANG TEMPOH PENGEMASKINIAN**

**KANGAR, 23 MAC 2024** – Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. PADU dibangunkan melalui kepakaran dalaman Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Jabatan Digital Negara (JDN), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi serta kerajaan negeri.

Objektif pembangunan PADU merupakan sebahagian daripada usaha ke arah Kerajaan Berteknologi Termaju atau GovTech melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan “near real time” yang membolehkan analitik data yang lebih tepat dihasilkan. Selain itu, data sebagai aset strategik Negara bagi pembuatan keputusan utama Kerajaan mengimbangi kedudukan fiskal melalui pendekatan dasar secara bersasar dan menstruktur semula ekonomi Negara.

Matlamat pembangunan PADU pula adalah untuk peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, pengukuhan dalam penggunaan sumber yang terhad dan pemerkasaan sistem sosial melalui peningkatan kesejahteraan ekonomi dan rakyat serta mengatasi kesenjangan dengan mengoptimumkan pengolahan dan pemanfaatan sumber daya. Selain itu, PADU juga merupakan platform untuk mengimbangi keperluan rakyat dan membina momentum yang holistik kepada perubahan dan kesiapsiagaan mendepani sebarang krisis dan bencana.

Di negeri Perlis, pelbagai program di peringkat komuniti giat dilaksanakan bagi membantu orang awam membuat pengemaskinian maklumat individu dan isi rumah di sistem Pangkalan Data Utama (PADU). Selain program komuniti, DOSM Perlis telah mengadakan 42 sesi taklimat dan kaunter bergerak PADU bersama agensi yang terdiri daripada agensi kerajaan persekutuan (31 sesi), agensi kerajaan negeri (11 sesi) dan institut pengajian tinggi (1 sesi). Sesi bersama agensi ini telah dijadikan sebagai platform hebahan untuk meningkatkan kefahaman dan turut membantu anggota di agensi dalam pengemaskinian maklumat di sistem PADU. Pemakluman lokasi kaunter PADU di negeri Perlis dikemaskini dari semasa ke semasa dan dimuat naik di media sosial seperti di *facebook*, *X*, *TikTok* DOSM Perlis sebagai hebahan untuk orang awam.

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin hadir ke kaunter PADU di Masjid Al Masyhoor Padang Siding, Pauh, Perlis pada hari ini. Sempena lawatan Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan, beliau menyeru semua mengambil peluang utk membuat pengemaskinian PADU dan tidak menunggu saat akhir. Maklumat PADU ini akan membantu kerajaan membuat perancangan program masa

hadapan. Bagi tempoh 2 Januari 2024 sehingga 23 Mac 2024, secara kumulatifnya sebanyak 1,006 kaunter PADU telah dibuka di negeri Perlis secara fizikal termasuk program bersama komuniti, Pusat Ekonomi Digital (PEDi), Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri, Pusat Komuniti Desa (PKD) dan *hotspot* di UTC, Bangunan Persekutuan Kangar, C-MART Arau, Giant Kangar, The Store dan lain-lain. Selain itu juga pembukaan kaunter bergerak di 101 buah masjid turut diadakan terutamanya pada setiap hari Jumaat. Lawatan rasmi Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga adalah bersempena perasmian Pejabat Baharu Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis yang terletak di 26B, Aras 2, KPARC, 01000 Kangar, Perlis.

Sehingga 22 Mac 2024, pendaftaran PADU di Perlis meningkat kepada 0.08 juta orang. Semua penduduk warganegara dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas yang masih belum mengemaskini PADU disarankan untuk mengemaskini maklumat profil individu sebelum 31 Mac 2024.

Sehingga hari ini, keselamatan dan kerahsiaan maklumat di dalam Sistem PADU adalah terjamin daripada kebocoran yang mana diselenggara sepenuhnya oleh agensi Jabatan Digital Negara (JDN) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya berlaku sebarang perkara tidak diingini, PADU melalui Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Siber Sektor Awam (CSIRT) bersiap siaga mengendalikan melalui prosedur yang ditetapkan.

Justeru itu, dimohon kerjasama rakyat Perlis amat diperlukan bagi mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sekiranya terdapat kesukaran dalam mengakses sistem PADU, anda boleh terus ke :

- i. Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Perlis di 26B, Aras 2, KPARC, 01000 Kangar, Perlis;
- ii. Pusat Ekonomi Digital (PEDI) berhampiran. Petugas di PEDI dan anggota DOSM akan membantu anda membuat pendaftaran dan mengemaskini maklumat;
- iii. Pusat Komuniti Desa (PKD), UTC, Kangar; atau
- iv. Beberapa lokasi kaunter PADU di seluruh negeri Perlis yang boleh dicapai di pautan Media Sosial DOSM Perlis

Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721 ;
- ii) Pertanyaan secara online melalui  
SISPAA:<https://padu.spab.gov.my>

Sokongan dan komitmen semua pihak adalah penyumbang utama kepada kejayaan pelaksanaan PADU.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis**

**23 Mac 2024**